

Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis

Knowledge, Attitude and Readiness of students Towards Higher Order of Thinking Skills in Writing Skills

Chew Fong Peng
fpchew@um.edu.my

Nur Juliana Masingan Abdullah
julianamasingan83@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

Received: 28 June 2021; **Accepted:** 20 September 2021; **Published:** 21 September 2021

To cite this article (APA): Chew, F. P., & Masingan, N. J. (2021). Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 29-43. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.3.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.3.2021>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kemahiran menulis bahasa Melayu. Sampel kajian ini terdiri daripada 144 orang pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah pilihan di Kota Marudu, Sabah dengan menggunakan teknik persampelan selesa. Data dipungut melalui borang soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan SPSS. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan para pelajar terhadap penggunaan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu adalah tinggi. Ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis mengikut jantina. Implikasi kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan memberi maklumat kepada guru-guru untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran.

Kata kunci: Pengetahuan, sikap, kesediaan, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran menulis

ABSTRACT

This study aimed to identify the knowledge, attitude and readiness of Form Two students in using High Order Thinking Skills (HOTS) for writing skills in Malay Language. The sample of this study consisted of 144 Form Two students who were selected by using convenience sampling technique in one of the selected schools located in Kota Marudu, Sabah. This survey study used questionnaire as the research instrument and the data was analyzed by using SPSS. Overall, the findings of the study showed that the levels of knowledge, attitudes and readiness of the High Order Thinking Skills (HOTS) in Malay language writing skills were high. Independent t-test showed that there were significant differences in the aspect of attitude and readiness of students on HOTS in the writing skills based on their gender. The implications of this study are expected to guide and provide information to teachers to diversify the methods and techniques of teaching in HOTS among students.

Keywords: Knowledge; attitude; readiness; high order thinking skills (HOTS); writing skills

PENGENALAN

Kemahiran berfikir telah diberi penekanan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) supaya amalan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penerapan kemahiran berfikir dalam PdP amat penting selaras dengan tuntutan dan keperluan transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan 11 anjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Setiap anjakan perlu memberi impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Enam aspirasi pelajar yang ditekankan dalam PPPM 2013-2025 iaitu kemahiran berfikir, identiti nasional, etika dan kerohanian, kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin dan pengetahuan. Elemen kemahiran berfikir merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam enam aspirasi pelajar. Elemen ini sangat penting untuk melahirkan generasi muda yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi menyahut cabaran abad ke-21.

Kemahiran berfikir bukanlah satu mata pelajaran yang berasingan, tetapi merupakan elemen yang diajar secara pengintegrasian merentasi kurikulum (Nor Hasmaliza & Zamri, 2016). Penekanan KBAT dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan satu usaha kerajaan untuk memperkuuh dan memperkasa kemahiran berfikir pelajar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Penerapan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar dilaksanakan supaya mereka berkeupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman secara lebih praktikal dalam kehidupan seharian. Pendedahan awal kepada para pelajar tentang kemahiran berfikir semasa proses pengajaran dan pembelajaran sangat perlu kerana ini dapat membina asas yang kukuh dalam usaha melahirkan generasi yang berfikiran secara kritis dan kreatif.

Kemahiran berfikir merupakan ilmu asas yang perlu dikuasai oleh para guru dalam membantu mengembangkan pemikiran pelajar-pelajar melalui penerapan dalam proses PdP. Penekanan KBAT yang menjadi teras dalam pembelajaran akan membawa kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Proses PdP yang berteraskan kemahiran berfikir dan strategi berfikir memerlukan penggunaan strategi dan kaedah PdP secara terancang agar dapat mengembangkan minda pelajar. Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali dan Mohd Mahzan Tamyis (2012) menjelaskan dalam transformasi pendidikan melalui pelaksanaan KSSR mulai tahun 2011 dan seterusnya KSSM pada tahun 2017 akan memfokuskan daya pemikiran kritis dan kreatif serta daya pemikiran inovatif sebagai usaha dalam melahirkan modal insan yang seimbang agar dapat menangani cabaran semasa dan masa akan datang.

Justeru dalam proses pembelajaran, pengetahuan, sikap dan kesediaan para pelajar terhadap KBAT adalah penting untuk dikaji memandangkan kemahiran itu sudah dilaksanakan selama 10 tahun. Dalam masa satu dekad itu, sejauhmanakah KBAT diterapkan oleh para pelajar dalam kemahiran menulis adalah menarik untuk diterokai dalam PdP Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang perlu dikuasai dan dipelajari oleh semua pelajar. Penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata, tetapi boleh dipengaruhi oleh pengajaran menulis yang bersistematis dan berkesan (Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman, 2011). Dalam hal ini, kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang boleh diajar, dipupuk dan dilatih bagi melahirkan penulis yang berbakat. Oleh yang demikian, penguasaan menulis karangan amat penting bagi setiap pelajar supaya kemahiran ini dapat dijadikan alat untuk menghasilkan tindak balas sebagai hasil sesuatu pembelajaran.

Masalah penguasaan dalam menulis karangan bukan suatu perkara yang baru dalam kalangan pelajar pada masa kini. Menurut Zuraini Jusoh, & Abdul Rasid Jamian (2014), tahap pencapaian pelajar dalam penulisan karangan masih tidak memuaskan. Para pelajar sering menyatakan isi yang sama atau hampir sama berulang-ulang dan bahagian pendahuluan yang meleret-leret. Masalah kelemahan pelajar dalam penulisan karangan ini adalah berpunca daripada amalan budaya berfikir dalam kalangan pelajar yang kurang ditekankan semasa proses PdP dijalankan (Anthony & Yahya, 2017). Kenyataan ini turut disokong oleh Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018) yang menyatakan penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar masih lagi rendah. Penguasaan kemahiran berfikir yang rendah ini menyebabkan pelajar tidak mampu untuk mengolah isi dengan sempurna dan menghasilkan karangan yang bermutu.

Selanjutnya, kemahiran berfikir pelajar yang masih rendah juga menyebabkan pelajar tidak dapat mengolah karangan dengan tepat, tidak dapat menyatakan konsep tajuk dengan jelas dan tidak dapat menghuraikan isi dengan matang (Anthony & Yahya, 2017). Apabila pelajar tidak dapat memahami kehendak tajuk, tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dan pemikiran yang tidak kritis dan matang menyebabkan pelajar tidak dapat menulis karangan dengan baik. Dalam hal ini, pelajar akan cenderung menyatakan isi secara berulang atau bertindan kerana pelajar masih kurang mahir dalam menggunakan budaya berfikir secara kreatif dan analitis dalam penulisan karangan.

Selain itu, menurut Yahya Othman dan Dk. Suzanawaty Pg.Osman.(2014), penggunaan kaedah konvesional yang digunakan oleh guru menyebabkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar tidak dapat diterapkan. Mereka selanjutnya mengatakan bahawa kaedah ini bukan sahaja tidak banyak membantu kemahiran berfikir para pelajar terutamanya semasa menulis karangan, malah akan menyebabkan mereka bersifat pasif dan suasana pembelajaran kurang menyeronokkan. Perkara ini turut disokong oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2011) yang menyatakan pengajaran menulis karangan dengan menggunakan kaedah yang betul da berkesan dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis pelajar.

Selain itu, Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan telah menyebabkan guru kurang minitikberatkan KBAT yang diberikan penekanan dalam KSSM semasa mengajarkan kemahiran menulis. Unsur KBAT belum diterapkan secara sedar dan terancang oleh guru ketika mengajarkan ilmu mengarang. Berdasarkan kajian Abdullah Yusof, Mohd Ra'in Shaari dan Raja Mohd Hafezal (2019), sebanyak 55% pelajar menganggap guru mereka kurang mengaplikasikan elemen KBAT dalam pengajaran karangan. Guru-guru Bahasa Melayu tidak dapat mempraktikkan KBKK sebagaimana kehendak kementerian kerana maklumat KBKK kurang dan ini menyebabkan apa yang ingin disampaikan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Guru-guru masih berada di peringkat keprihatinan kendiri dan penggunaan amalan KBKK secara mekanikal. Kesannya, proses pengajaran dan pembelajaran hanya bergantung pada bahan. Justeru kajian ini akan menumpukan fokus kepada aspek pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kemahiran menulis.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu.
4. Mengenal pasti perbezaan pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian yang berikut, iaitu:

1. Apakah tahap pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu?
2. Apakah tahap sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu?
3. Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu?

4. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina

Daripada soalan kajian 4, hipotesis nul dibangunkan seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina.

KAJIAN LITERATUR

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan lanjutan daripada amalan pembelajaran dan pengajaran yang telah diperkenalkan pada tahun 1994 iaitu kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Transformasi Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dan KBAT ini adalah agenda utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang berhasrat untuk menaikkan taraf pendidikan negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran peringkat antarabangsa (Nur Athirah Ariffin & Faridah Yunus, 2017). KBAT merupakan kesinambungan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) yang berfokuskan pada aspek menilai, menganalisis, meneroka dan mencipta. Namun penekanan KBAT adalah lebih holistik dan menyeluruh berbanding dengan KBKK (Tuan Rahayu et al., 2017) dan lebih menekankan kepada pengintegrasian aktiviti mental yang lebih kompleks.

Konsep KBAT merupakan satu proses pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar supaya mampu mengaplikasi apa yang dipelajari di dalam bilik darjah. KBAT turut melibatkan proses keupayaan minda untuk membuat penilaian terhadap sesuatu idea, meneliti ketepatan, kelemahan dan kebaikan sesuatu serta membuat pertimbangan dengan wajar seterusnya mampu menyatakan hujah yang munasabah bagi menyelesaikan masalah. Menurut Faridah, Faiziah dan Amran (2016), antara konsep yang berkaitan dengan KBAT termasuklah pemikiran kritis, penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan membuat keputusan. Dalam hal ini, konsep KBAT merupakan satu proses pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar supaya pelajar mampu mengaplikasi apa yang dipelajari di dalam bilik darjah. KBAT turut melibatkan proses keupayaan minda untuk membuat penilaian terhadap sesuatu idea, meneliti ketepatan, kelemahan dan kebaikan sesuatu serta membuat pertimbangan dengan wajar seterusnya mampu menyatakan hujah yang munasabah bagi menyelesaikan masalah.

Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamid (2018) menjalankan kajian untuk mengetahui isu-isu yang berkaitan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam penyoalan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada responden murid. Seramai 90 orang murid dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Tampin, Negeri Sembilan dipilih untuk menjawab kajian melalui borang soal selidik dan ujian yang dibekalkan. Kajian ini memfokuskan pada tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT yang meliputi kekerapan dan keberkesanannya dalam pelaksanaan KBAT serta perbezaan amalan penyoalan KBAT dengan latar belakang responden murid. Data yang telah dianalisis menunjukkan bahawa tahap kekerapan dan keberkesanannya adalah berada pada tahap yang tinggi, manakala tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT adalah memuaskan. Keputusan juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara amalan penyoalan KBAT guru dengan latar belakang responden murid kecuali jenis sekolah murid ($F(2, 87) = 9.841, p = 0.00$). Maka, para guru Bahasa Melayu di SJK perlulah menggandakan usaha dalam menyelesaikan masalah penguasaan asas BM dalam kalangan murid agar KBAT dapat diaplikasikan dalam PdPc dengan lebih lancar.

Pengaplikasian elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015) selaras dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Namun, kajian lalu mendapatkan penerapan elemen ini masih belum

dilaksanakan sepenuhnya. Justeru Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwani, dan Norfishah Mat Rabi (2020) mengkaji tahap penerapan elemen KBAT dalam semua arahan aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan jenis kemahiran bahasa, jenis kemahiran KBAT, dan Unit Pelajaran. Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) (2015) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka digunakan sebagai sampel kajian. Data dikumpul menggunakan senarai semak ciri-ciri elemen KBAT dan senarai semak arahan aktiviti pembelajaran. Data yang diperoleh dianalisis, dirumus dan dibandingkan antara setiap kemahiran bahasa dan jenis KBAT. Dapatkan kajian mendapat bahawa hanya 29.70% elemen KBAT diaplikasikan dalam Buku Teks Bahasa Melayu (KSSR) berbanding dengan penerapan elemen KBAR. Dapatkan juga mendapat bahawa 51% elemen KBAT diterapkan dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran membaca dan bertutur. Dapatkan turut menunjukkan bahawa elemen mencipta diterap lebih kerap (73.47%) berbanding dengan elemen KBAT yang lain. Dapatkan kajian juga menyerlahkan bahawa elemen mencipta lebih banyak diaplikasi dalam kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain. Secara keseluruhannya, Buku Teks Bahasa Melayu KSSR (2015) masih belum mencapai piawaian penerapan elemen KBAT yang secara menyeluruh dan seimbang.

KEMAHIRAN MENULIS

Menurut Lai Lee Chung (2017), kemahiran menulis dianggap sebagai sumber penting bagi pemerolehan ilmu pengetahuan, pengukuran terhadap pencapaian dan pelaksanaan tugas profesional. Memandangkan kepentingan kemahiran menulis dalam kehidupan manusia, adalah wajar aspek pengajaran kemahiran menulis diberikan penekanan yang secukupnya kepada setiap pelajar di sekolah supaya dapat melahirkan pelajar yang berupaya menyampaikan fikiran dan berkomunikasi secara efektif dalam komuniti. Selain itu, pelajar perlu menguasai kemahiran menulis dalam pembelajaran bahasa dan subjek yang lain. Perkara ini penting kerana bahasa merupakan media untuk melahirkan pendapat. Menulis adalah penting bagi apa-apa bentuk sekalipun dan pencapaian pelajar-pelajar dalam pelajaran juga boleh ditingkatkan. Dalam hal ini, pelajar-pelajar yang menguasai kemahiran menulis memiliki kelebihan yang tidak terbatas tetapi sentiasa berterusan sepanjang hayat (Lai Lee Chung, 2017).

Dalam kajian Rozana Jaafar dan Zamri Mahamod (2020), mereka mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran menulis. Seramai 234 orang pelajar Cina dan India tingkatan empat di sepuluh buah sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel adalah secara persampelan rawak berstrata. Instrumen soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik tersebut menggunakan skala Likert lima mata dan terbahagi kepada dua bahagian. Dua bahagian yang perlu diisi oleh responden, iaitu Bahagian A yang terdiri daripada maklumat demografi responden dan Bahagian B yang melibatkan strategi-strategi pembelajaran kemahiran menulis. Data soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS) versi 22.0 untuk mendapatkan data deskriptif. Dapatkan penyelidikan ini memperlihatkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kemahiran menulis pada tahap tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar cemerlang menggunakan kepelbagaiannya dalam strategi pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kemahiran menulis.

Seterusnya Nora'Azian Nahar (2020) menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap penguasaan membaca dan menulis dalam bahasa Melayu murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SJK). Seramai 414 orang sampel kajian dari 5 buah sekolah SJK telah dipilih. Dua instrumen yang diguna pakai untuk mendapatkan data iaitu Ujian Profesiensi UPBM_SR dan Tahap Skor UPBM_SR. Data diproses menggunakan IBMSPSS Versi 23 dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 65.2% responden tidak menguasai kemahiran menulis dan 39.6% tidak lancar membaca dalam bahasa Melayu. Pemahaman input kemahiran membaca dan menulis dilihat satu-satunya mekanisme yang dapat meningkatkan profesensi linguistik asas. Peranan semua pihak perlu digembung untuk melahirkan generasi yang kompeten menggunakan bahasa kebangsaan di Malaysia.

Zamri Mahamod, Rohaida Mazlan, Norziah Amin, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021) menjalankan kajian kes di dua buah sekolah menengah kebangsaan yang dikenal pasti ramai murid-murid B40 yang tidak tahu dan kurang menguasai kemahiran menulis di daerah Hulu Langat, Selangor.

Seramai 16 orang murid B40 tingkatan 1, iaitu 7 orang murid B40 kaum Cina, 4 orang murid B40 kaum India dan 5 orang murid B40 kaum Melayu dipilih sebagai peserta kajian. Seramai 8 orang murid B40 belajar di SMKA manakala 8 orang murid B40 belajar di SMKB. Temu bual berstruktur digunakan sebagai alat kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesemua murid B40 kaum Cina, India dan Melayu ini mempunyai tahap penguasaan kemahiran menulis yang sangat terhad dan terhad. Murid B40 Cina paling lemah kemahiran menulis. Jika tahu menulis, mereka tidak tahu perkara yang ditulis. Kemahiran menulis murid India pula adalah lebih baik daripada murid Cina walaupun ada dalam kalangan mereka tidak faham perkara yang ditulis. Bagi murid-murid B40 Melayu pula, tahap penguasaan menulis jauh lebih baik daripada murid-murid B40 Cina dan India.

PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN PELAJAR

Menurut Tuan Rahayu et. al (2017), Siti Fatimah, Nurul Ilyana dan Siti Nurul Hidayah (2018), pengetahuan merujuk kepada input yang diperoleh oleh seseorang sama ada melalui pengalaman, pendidikan formal ataupun tidak formal serta melibatkan proses kognitif. Pengetahuan juga merupakan kecekapan intelektual untuk mengenang semula atau mengenal pasti kandungan khusus yang terdapat dalam sesuatu subjek (Padmanaban, Ruhizan & Mohd Isa, 2017). Pengetahuan tentang KBAT sangat penting bagi memastikan seseorang pelajar dapat memahami hubungan dan kaitannya dengan pembelajaran. Pengetahuan yang sedia ada dalam diri pelajar mengenai KBAT akan memudahkan pemahaman pelajar dalam kemahiran menulis.

Kajian dijalankan oleh Padmanaban et. al (2017) untuk meninjau pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran di sebuah kolej matrikulasi. Kajian kuantitatif ini dilakukan ke atas 61 responden melibatkan pelajar matrikulasi di sebuah kolej matrikulasi di Negeri Sembilan. Dapatkan kajian mendapati bahawa pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar kolej matrikulasi terhadap KBAT dalam pembelajaran berada pada tahap yang sederhana. Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan kajian Wan Nazira (2015) terhadap pelajar tentang aplikasi KBAT dalam aspek pemahaman puisi dan prosa komponen sastera Bahasa Melayu. Manakala kajian Siti Fatimah et al., (2018) mengenai KBAT terhadap istilah berkaitan Fiqh dan Usul Fiqh menunjukkan keseluruhan elemen kemahiran berfikir aras tinggi berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Tuan Rahayu et. al (2017) yang menyatakan pengetahuan yang tinggi terhadap KBAT akan membantu pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan baik.

Menurut Nur Athirah dan Faridah (2017), sikap bermaksud tingkah laku seseorang individu terhadap sesuatu perkara. Sikap ialah kecenderungan seseorang supaya bertindak balas secara positif atau negatif terhadap sesuatu idea (Tuan Rahayu, 2018). Sikap adalah situasi apabila seseorang mudah dipengaruhi supaya bertindak balas secara positif atau negatif kepada orang lain, sesuatu keadaan atau idea. Sikap melibatkan kepercayaan, perasaan dan pemikiran yang mempengaruhi individu dalam memberikan nilai kepada sesuatu yang diminati atau sebaliknya. Kajian Nasyimah dan Zamri (2016) menyatakan pelajar yang mempunyai sikap yang tinggi terhadap KBAT akan lebih memahami isi pelajaran dan lebih yakin untuk memilih kemahiran berfikir yang sesuai dalam pembelajaran. Manakala kajian Ili Atiqah dan Ruslin (2016) berkaitan sikap pelajar mendapati sikap kematangan kognitif memberi sumbangan besar ke atas pencapaian akademik pelajar UKM

Menurut Padmanaban et. al (2017), kesediaan bermaksud perihal sedia ada, kesanggupan dan kerelaan. Manakala Tuan Rahayu (2018) mentakrifkan kesediaan sebagai satu bentuk proses yang melibatkan pengintegrasian aspek fizikal, mental dan emosi seseorang pelajar semasa melaksanakan sesuatu tindakan. Kesediaan merangkumi kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Kajian Tuan Rahayu et. al (2017) menyatakan bahawa elemen kesediaan pelajar sangat penting bagi menghadapi pengajaran menggunakan kaedah baru. Tahap kesediaan pelajar yang tinggi menunjukkan wujud minat yang mendalam terhadap sesuatu pembelajaran

Sehubungan dengan itu, Abdul Aziz dan Abd Rahman (2018) menjalankan kajian tentang kesediaan dan keperluan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Melayu di sekolah. Memandangkan guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membentuk dan mendidik murid di sekolah mengikut keperluan semasa pendidikan, maka peranan guru sangat dititikberatkan dalam menjayakan pelaksanaan KBAT dalam semua mata pelajaran. Kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran berdasarkan KBAT sangat penting bagi membolehkan mereka mendidik murid-murid menguasai KBAT

yang merupakan salah satu aspek yang perlu dikuasai dalam menuju abad ke-21. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen berdasarkan sorotan-sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kesediaan dan keperluan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran berunsur KBAT. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan guru masih belum bersedia melaksanakan KBAT dalam pengajarannya disebabkan kurangnya pendedahan tentang cara pelaksanaan KBAT dalam PdPc, tidak tahu kaedah untuk menerapkan KBAT dalam PdPc dan juga dibebani dengan pelbagai tugas lain yang menghalang mereka daripada melaksanakan PdPc berdasarkan KBAT dengan baik.

Chew Fong Peng dan Syahirah Yusof (2021) menjalankan kajian untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran KOMSAS. Kajian ini melibatkan 243 orang pelajar tingkatan 2 di tiga buah sekolah menengah di tiga zon yang berbeza. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dengan lima skala Likert bagi tujuan mengumpul data. Analisis deskriptif mendapati pengetahuan (min = 4.05), sikap (min = 4.18) dan kesediaan (min = 4.04) pelajar terhadap peta pemikiran i-Think berada pada tahap tinggi. Ujian-t mendapati terdapat perbezaan pengetahuan, sikap dan kesediaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu, iaitu pelajar perempuan menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Analisis menunjukkan kecenderungan pelajar yang berbeza untuk mempelajari KOMSAS dengan lebih mendalam. Oleh itu, diharapkan guru dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif menggunakan peta pemikiran i-Think di dalam bilik darjah. Hal ini supaya dapat meningkatkan minat pelajar mempelajari KOMSAS.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Teknik persampelan kebarangkalian secara selesa (*convenience*) dipilih dan seramai 144 orang pelajar Tingkatan 2 daripada salah sebuah sekolah menengah di daerah Kota Marudu, Sabah telah dipilih sebagai responden kajian.

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian ini. Set soalan diadaptasikan dan diubah suai oleh pengkaji berdasarkan soal selidik Tuan Rahayu et. al (2017). Instrumen soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian A mengandungi lima item tentang maklumat demografi responden. Bahagian B mengandungi 12 item berkaitan pengetahuan pelajar terhadap KBAT. Bahagian C mengandungi 8 item berkaitan dengan sikap pelajar dan bahagian D mengandungi 10 item soalan berkaitan dengan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis. Skala Likert Lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif dalam perisian Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 25.0 digunakan untuk menganalisis semua data yang telah dikumpulkan.

Kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang pelajar tingkatan dua yang bukan responden kajian di daerah Kota Marudu, Sabah. Nilai Cronbach Alpha bagi aspek pengetahuan ialah 0.775, aspek sikap dengan nilai 0.796 dan aspek kesediaan dengan nilai 0.854. Secara keseluruhan, nilai Cronbach Alpha bagi item soal selidik ini ialah 0.919. Nilai Cronbach Alpha ini menunjukkan instrumen soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diteruskan dalam kajian sebenar.

Soal selidik kemudian diedarkan dalam talian melalui Google Form untuk mengutip data. Setelah data dikumpul, data-data dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 25.0. Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai akan digunakan untuk menjawab soalan kajian 1, 2 dan 3, manakala analisis inferensi, iaitu ujian-t sampel tidak bersandar digunakan untuk menjawab soalan kajian 4.

PROFIL RESPONDEN

Jadual 1. Maklumat Demografi Responden

Demografi	Ciri	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	62	43.1
	Perempuan	82	56.9
	Melayu	51	35.4
Kaum	Lain-Lain	93	64.6

Bahasa Pertuturan di rumah	Bahasa Melayu	70	48.6
	Bahasa Campuran	74	51.4
	A	6	4.2
Keputusan BM Tingkatan 1	B	34	23.6
	C	56	38.9
	D	27	18.8
	E	21	14.6

Sampel kajian ini terdiri daripada 144 orang pelajar tingkatan 2 di salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Kota Marudu, Sabah. Jadual 1.0 menerangkan dengan lebih terperinci mengenai demografi responden kajian yang diperoleh hasil daripada soal selidik. Daripada jumlah responden iaitu 144 pelajar, bilangan pelajar perempuan (82, 56.9%) mendominasi kajian ini berbanding bilangan pelajar lelaki (62, 43.1%). Jumlah yang dicatatkan mengikut jantina menunjukkan bilangan pelajar berbangsa Lain-lain adalah responden paling ramai (93, 64.6%) dan responden Melayu (51, 35.4%). Jumlah responden ini sesuai dengan lokasi kajian yang dipilih.

Dari segi bahasa pertuturan di rumah, bahasa campuran menunjukkan bahasa pertuturan di rumah yang paling tinggi (74, 51.4%), diikuti bahasa Melayu (70, 48.6%). Bahasa campuran banyak digunakan oleh responden di rumah kerana majoriti kaum responden terdiri daripada suku kaum yang berbeza seperti orang Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Orang Sungai, Tagaas dan lain-lain. Justeru keadaan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa mereka adalah fenomena biasa. Bagi keputusan bahasa Melayu Tingkatan 1, 6 pelajar (4.2%) mendapat A dan 34 pelajar (23.6%) mendapat B. Gred C mendapat nilai peratus tertinggi iaitu sebanyak 38.9%. Jumlah peratusan lulus ialah 96% manakala 48% selebihnya gagal, iaitu mendapat gred D dan E. Daripada jumlah tersebut, 27 responden mendapat gred D (18.8%) dan 21 responden mendapat E (14.6%).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kaedah deskriptif digunakan dan semua dapatan yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawai yang digambarkan oleh skor purata min seperti Jadual 2.0

Jadual 2. Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Nota: Adaptasi daripada Hasnah & Jamaludin, 2017, 60)

PENGETAHUAN PELAJAR TERHADAP KBAT DALAM KEMAHIRAN MENULIS

Jadual 3. Pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya mengetahui maksud kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) setelah didekahkan dalam sesi pembelajaran.	3.91	0.67	Tinggi
2	Saya mengetahui aplikasi KBAT yang diajar oleh guru dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.83	0.66	Tinggi
3	Teknik penyoalan yang berkesan dapat memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi saya.	3.92	0.73	Tinggi
4	Saya dapat meningkatkan KBAT dengan peta pemikiran i- Think dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.60	0.74	Sederhana

5	Saya didedahkan dengan KBAT yang berterusan membuatkan saya semakin faham dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.86	0.76	Tinggi
6	Saya dapat berosal jawab dengan baik tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.	3.44	0.68	Sederhana
7	Saya dapat menghuraikan idea secara kritis.	3.28	0.78	Sederhana
8	Saya dapat mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.	3.53	0.77	Sederhana
9	Saya dapat mengaplikasi pengetahuan dalam kemahiran menulis dengan kehidupan sehari-hari.	3.71	0.76	Tinggi
10	Saya dapat menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru berkaitan kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.79	0.66	Tinggi
11	Saya dapat menilai sesuatu situasi yang diberikan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.69	0.74	Tinggi
12	Saya dapat menjana idea baru berdasarkan stimulus yang diberikan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.46	0.67	Sederhana
Min Keseluruhan		3.69	0.65	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 3, min tertinggi bagi pengetahuan pelajar terhadap KBAT adalah pada item ke-3, iaitu “teknik penyoalan yang berkesan dapat memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi saya” ($M = 3.92$, $SP = 0.73$). Hal ini bererti kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dapat dikembangkan menerusi teknik penyoalan yang berkesan. Min kedua tinggi ialah pada item 1, iaitu “saya mengetahui maksud kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) setelah didedahkan dalam sesi pembelajaran” ($M = 3.91$, $SP = 0.67$). Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar mengetahui maksud KBAT setelah diberikan pendedahan. Min ketiga tinggi ialah pada item kelima iaitu “saya didedahkan dengan KBAT yang berterusan membuatkan saya semakin faham dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.86$, $SP = 0.76$). Ini menunjukkan guru yang memberikan pendedahan yang berterusan tentang KBAT dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam kemahiran menulis.

Min terendah jatuh pada item ke-7, iaitu “saya dapat menghuraikan idea secara kritis” ($M = 3.28$, $SP = 0.78$).. Item ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Tuan Rahayu et. al (2017) yang menunjukkan item ini juga merupakan item yang mendapat min yang terendah ($M = 3.68$, $SP = 0.74$). Ini jelas menunjukkan para pelajar masih lemah untuk menghuraikan idea dalam kemahiran menulis secara kritis Seterusnya, item kedua rendah ialah item ke-6, iaitu “saya dapat berosal jawab dengan baik tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan” ($M = 3.44$, $SP = 0.67$). Hal ini menunjukkan para pelajar tidak mampu berosal jawab dengan baik apabila dikemukakan dengan pelbagai soalan. Perkara ini adalah disebabkan daripada kemahiran berfikir pelajar yang rendah sehingga pelajar tidak mampu untuk menjana pelbagai soalan semasa proses PdP. Item ketiga rendah ialah item ke-12, iaitu “saya dapat menjana idea baru berdasarkan stimulus yang diberikan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.46$, $SP = 0.65$). Pelajar tidak dapat menjana idea baru semasa menulis karangan walaupun telah diberikan stimulus atau rangsangan.

Daripada dapatan yang diperoleh, pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi ($M = 3.69$, $SP = 0.65$). Hal ini bermakna pelajar Tingkatan 2 mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi atau baik tentang KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Dapatan ini memberangsangkan kerana pelajar sangat positif dan mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu. Penerapan KBAT dalam kemahiran menulis juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan pelajar. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian pengkaji terdahulu seperti kajian Tuan Rahayu et. al (2017), Siti Fatimah, Nurul Ilyana dan Siti Nurul Hidayah (2018) di mana dapatan menunjukkan pengetahuan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Elemen KBAT telah banyak didedahkan kepada para pelajar dan proses PdP. Namun begitu, hasil dapatan bertentangan dengan hasil kajian yang diperoleh kajian Wan Nazira (2015), Padmanaban, Ruhizan dan Mohd Isa (2017) yang mendapati pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran berada pada tahap yang sederhana. Para pelajar harus diberikan pendedahan yang cukup mengenai KBAT bagi membantu mereka menguasai kemahiran ini dan menguasai keupayaan berfikir secara kritikal.

SIKAP PELAJAR TERHADAP KBAT DALAM KEMAHIRAN MENULIS

Jadual 4. Sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Pengajaran menggunakan KBAT dapat merangsang minat saya untuk berfikir dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.89	0.76	Tinggi
2	Pengajaran menggunakan KBAT membuatkan saya ingin belajar kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.90	0.81	Tinggi
3	Pengajaran menggunakan KBAT meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.62	0.69	Tinggi
4	Pengajaran menggunakan KBAT sesuai diaplikasikan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.85	0.81	Tinggi
5	Pengajaran menggunakan KBAT dapat memahamkan saya tentang konsep-konsep penting dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.88	0.79	Tinggi
6	Pengajaran menggunakan KBAT membolehkan saya memberi pandangan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.77	0.81	Tinggi
7	Pengajaran menggunakan KBAT dapat menimbulkan minat terhadap kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.83	0.82	Tinggi
8	Pengajaran menggunakan KBAT dapat meningkatkan tahap pemikiran pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Melayu.	4.05	0.88	Tinggi
Min Keseluruhan		3.85	0.80	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 4.0, min tertinggi bagi sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis adalah pada item ke-8, iaitu “pengajaran menggunakan KBAT dapat meningkatkan tahap pemikiran pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 4.05$, $SP = 0.88$). Tahap pemikiran pelajar dapat ditingkatkan apabila guru menggunakan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis. Seterusnya, item kedua mendapat min kedua tinggi iaitu “pengajaran menggunakan KBAT membuatkan saya ingin belajar kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.90$, $SP = 0.81$). Ini bererti guru yang mengajar menggunakan KBAT akan membantu pelajar untuk belajar kemahiran menulis dengan baik. Min ketiga tinggi pula ialah pada item pertama iaitu “pengajaran menggunakan KBAT dapat merangsang minat saya untuk berfikir dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.89$, $SP = 0.76$). Dalam hal ini, penggunaan KBAT dalam pengajaran guru dapat membantu merangsang minat pelajar untuk berfikir semasa menulis karangan bahasa Melayu.

Bagi min terendah adalah item ke-3, iaitu “pengajaran menggunakan KBAT meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.62$, $SP = 0.69$). Hal ini bererti penggunaan KBAT dalam pengajaran masih tidak mampu meningkatkan penguasaan konsep dan fakta pelajar dalam kemahiran menulis. Min kedua rendah ialah item ke-6, iaitu “pengajaran menggunakan KBAT membolehkan saya memberi pandangan dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.77$, $SP = 0.81$). Item ini selari dengan kajian Tuan Rahayu et. al (2017) di mana item ini juga mendapat min kedua terendah ($M = 3.92$, $SP = 0.74$). Min ketiga rendah ialah pada item ke-7 berbunyi “pengajaran menggunakan KBAT dapat menimbulkan minat terhadap kemahiran menulis bahasa Melayu” ($M = 3.95$, $SP = 0.82$). Walaupun guru telah menerapkan KBAT dalam pengajaran, namun masih belum dapat menimbulkan minat pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari.

Daripada dapatan yang diperoleh, tahap sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu adalah berada pada tahap yang tinggi ($M = 3.85$, $SP = 0.80$). Hal ini bermakna, pelajar Tingkatan 2 mempunyai sikap yang positif untuk menerapkan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.

KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP KBAT DALAM KEMAHIRAN MENULIS

Jadual 5 Kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam Kemahiran Menulis

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.64	0.76	Sederhana
2	Saya bersedia mengambil bahagian semasa sesi soal jawab menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.67	0.76	Sederhana
3	Saya bersedia mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.82	0.84	Tinggi
4	Saya bersedia untuk mengemukakan soalan ketika sesi pembelajaran menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.45	0.80	Sederhana
5	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menghubungkaitkan konsep-konsep pembelajaran dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.53	0.71	Sederhana
6	Saya bersedia menjawab soalan esei menggunakan KBAT di dalam bilik darjah.	3.51	0.71	Sederhana
7	Saya bersedia untuk mencuba latihan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.95	0.80	Tinggi
8	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.	3.76	0.76	Tinggi
9	Saya bersedia menggunakan KBAT dalam kerja berkumpulan.	3.98	0.80	Tinggi
10	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk meningkatkan kefahaman saya mengenai kemahiran menulis Bahasa Melayu.	3.91	0.81	Tinggi
Min Keseluruhan		3.72	0.78	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 5.0, min tertinggi bagi kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis adalah pada item ke-9, iaitu “saya bersedia menggunakan KBAT dalam kerja berkumpulan” ($M = 3.98$, $SP = 0.80$). Hal ini bererti para pelajar bersedia menggunakan KBAT apabila diberikan kerja berkumpulan. Min kedua tinggi pada item ketujuh iaitu “saya bersedia untuk mencuba latihan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.95$, $SP = 0.80$). Para pelajar mempunyai keinginan yang tinggi untuk menulis karangan menggunakan KBAT. Min ketiga tinggi pada item kesepuluh iaitu “saya bersedia menggunakan KBAT untuk meningkatkan kefahaman saya mengenai kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.91$, $SP = 0.81$). Ini bererti bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang kemahiran menulis, pelajar bersedia menggunakan KBAT semasa menulis karangan.

Bagi min terendah adalah jatuh pada item keempat, iaitu “saya bersedia mengemukakan soalan ketika sesi pembelajaran menggunakan KBAT di dalam bilik darjah” ($M = 3.45$, $SP = 0.80$). Ini menunjukkan para pelajar masih belum bersedia soalan menggunakan KBAT semasa proses pembelajaran dijalankan. Item ke-6 berbunyi “saya bersedia menjawab soalan esei menggunakan KBAT di dalam bilik darjah” ($M = 3.51$, $SP = 0.71$) mendapat min kedua rendah. Walaupun para pelajar telah diberikan pendedahan tentang KBAT dalam kemahiran menulis, namun pelajar masih belum bersedia untuk menggunakan KBAT semasa menjawab soalan esei yang dikemukakan. Seterusnya item ketiga rendah skor min ialah item ke-5, iaitu “saya bersedia menggunakan KBAT untuk menghubungkaitkan konsep-konsep pembelajaran dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu” ($M = 3.53$, $SP = 0.71$). Walaupun para pelajar sudah didedahkan tentang KBAT semasa proses PdP, namun mereka masih belum bersedia sepenuhnya untuk menggunakan KBAT dalam penulisan karangan.

Daripada dapatan yang diperoleh, tahap kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis adalah berada pada tahap yang tinggi ($M = 3.72$, $SP = 0.78$). Hal ini bermakna pelajar Tingkatan 2 mempunyai kesediaan yang baik dalam menerapkan dan menggunakan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nasyimah dan Zamri (2016) dan Tuan Rahayu et al. (2017) yang menyatakan kesediaan pelajar yang tinggi terhadap KBAT dalam pembelajaran. Dalam hal ini, tahap kesediaan pelajar yang tinggi ini menunjukkan wujud minat yang mendalam dalam diri pelajar untuk menggunakan KBAT dalam pembelajaran. Maka kesediaan memainkan peranan penting dalam penerapan KBAT semasa menulis karangan para pelajar. Aspek ini juga harus diambil berat oleh para guru untuk sentiasa memastikan para pelajarnya bersedia untuk menerapkan KBAT dalam menghasilkan karangan.

Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Padmanaban et. al., (2017) yang menyatakan kesediaan pelajar terhadap KBAT berada pada tahap yang sederhana. Perbezaan itu dapat dilihat dari aspek responden kajian mereka yang terdiri daripada 61 orang pelajar matrikulasi sahaja manakala responen kajian ini yang terdiri daripada 144 orang pelajar Tingkatan 2. Dari aspek lain, hal ini menunjukkan bahawa para pelajar kajian ini mempunyai kesediaan yang lebih tinggi daripada pelajar matrikulasi dalam kajian padmanaban et.al (2017) dalam pembelajaran.

PERBEZAAN PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP KBAT

Berdasarkan Jadual 6, keputusan ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan markat min pelajar lelaki ($M = 3.61$, $SP = .342$) adalah lebih kecil berbanding pelajar perempuan ($M = 3.71$, $SP = .352$) dengan nilai $t = -1.76$ dan signifikan pada aras $p > 0.05$. Oleh itu hipotesis nul 1 diterima. Ini bermakna, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu mengikut jantina.

Jadual 6. Ujian -t bagi pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina

Jantina	Min	SP	<i>t</i>	Sig.
Lelaki	3.61	.342	-1.76	.081
Perempuan	3.71	.352		

* Tahap signifikan pada $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 7, keputusan ujian-t tidak bersandar menunjukkan markat min pelajar lelaki ($M=3.67$, $SP=.530$) adalah lebih rendah berbanding pelajar perempuan ($M=3.99$, $SP=.427$) dengan nilai $t=-3.81$, $p<0.05$, $n = .638$. Oleh itu, saiz kesan bagi sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis adalah sederhana. Ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu dan hipotesis nul 2 dalam kajian ini ditolak.

Jadual 7. Ujian -t bagi sikap pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina

Jantina	Min	SP	t	Sig.	n
Lelaki	3.67	.530	-3.81	.000*	.638
Perempuan	3.99	.472			

* Tahap signifikan pada $p<0.05$

Berdasarkan Jadual 8, keputusan ujian-t menunjukkan markat min pelajar lelaki ($M=3.57$, $SP=.434$) adalah lebih kecil berbanding pelajar perempuan ($M=3.83$, $SP=.460$) dengan nilai $t=-3.49$, $p<0.05$, $n = .581$. Oleh itu, saiz kesan bagi kesediaan pelajar terhadap KBAT adalah sederhana. Hipotesis nul 3 kajian ini ditolak. Ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Jadual 8. Ujian -t bagi kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu berdasarkan jantina

Jantina	Min	SP	t	Sig.	n
Lelaki	3.57	.434	-3.49	.001*	.581
Perempuan	3.83	.460			

*Tahap signifikan pada $p<0.05$

Hasil kajian ujian-t menunjukkan implikasi bahawa jantina adalah faktor penting yang mempengaruhi sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 2 terhadap KBAT dalam penulisan karangan dengan kesan yang sederhana, sebaliknya jantina tidak memberi apa-apa kesan kepada aspek pengetahuan mereka. Maka guru-guru Bahasa Melayu harus mengambil kira faktor jantina semasa menerapkan KBAT dalam pengajaran karangan kepada para pelajar dengan mempelbagaikan cara menyampaikan dan aktiviti di dalam kelas.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan dua di salah sebuah sekolah menengah di Kota Marudu, Sabah terhadap KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu berada pada tahap yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari aspek sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis bahasa Melayu. Pelajar dapat mengaplikasikan KBAT dengan baik dalam kemahiran menulis. Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar perlu ditingkatkan oleh guru semasa proses PdP agar pelajar lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Dengan pengamalan budaya berfikir dalam kemahiran menulis, pelajar yang mampu menguasai kemahiran menulis boleh menyumbang ke arah memperkembangkan ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan bersepadu. Hal ini bermakna penerapan KBAT dalam pembelajaran mampu memperkembangkan kemahiran pelajar dari segi kemahiran berfikir, berkomunikasi dan penguasaan ilmu pengetahuan. Sehubungan dengan itu, kaedah dan teknik pengajaran guru perlu dipelbagaikan bagi menggalakkan dan merangsang minat pelajar untuk berfikir. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih menyeluruh terhadap penerapan KBAT dalam PdP perlu dilakukan bagi meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan guru dan pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, F. A., & Abd Rahman, F. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 80 - 101.
- Anthony Aloysis Akup, & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis eseai Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(Mei), 44–55.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Elemen KBAT dalam kurikulum*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 67 Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 1(1), 67–87.
- Cheat Fong Peng & Syahirah Yusof. (2021). Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Terhadap Peta Pemikiran I-Think dalam Pembelajaran Komsas Dalam Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 15-25.
- Cheat Fong Peng, & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1–12.
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi uru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65,
- Ili Atiqah Md. Din, & Ruslin Amir. (2016). Sikap terhadap kemahiran pemikiran kritis dan hubungannya dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar-pelajar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1), 142–151.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lai Lee Chung. (2017). Pembangunan dan Penilaian Modul Penulisan Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, Universiti Malaya.
- Nora' Azian Nahar. (2020). Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Nativ di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1), 107-123.
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwani, & Norfishah Mat Rabi. (2020). Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 57-67.
- Nasyimah Ismail, & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 59–67.
- Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (The Perception of Malay Language Teachers at Secondary School Towards Higher Order Thinking Skills). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78–90.
- Nur Athirah Ariffin, & Faridah Yunus. (2017). Kesediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Simposium Pendidikan DiPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, 147–152.
- Padmanaban Madawan, Ruhizan Muhammad Yasin, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar kolej matrikulasi terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran, 541–547. Dimuat turun daripada <https://sted18.files.wordpress.com/2016/12/3-15-padmanaban-madawan-ruhizan-muhammad-yasin-mohd-isa-hamzah.pdf>
- Rozana Jaafar & Zamri Mahamod. (2020). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Pelajar Cemerlang di Sekolah Menengah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1). Dimuat turun daripada <https://www.masree.info/wp-content/uploads/2020/06/14-Strategi-Pembelajaran-Kemahiran-Menulis-Dalam-Kalangan-Pelajar-Cemerlang-Di-Sekolah-Menengah.pdf>
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, & Mohd Mahzan Tamayis. (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 19–31.
- Siti Fatimah Kasmuri, Nurul Ilyana Muhd Adnan, & Siti Nurul Hidayah Abdullah. (2018). Pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah berkaitan Fiqh dan Usul Fiqh : Satu Kajian Awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(1), 50–65.

- Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Pengetahuan , sikap dan kesediaan murid terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15–28.
- Tuan Rahayu Tuan Lasan. (2018). Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Murid terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan Empat. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Nazira Wan Jaafar. (2015). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pemahaman Puisi dan Prosa Komponen Sastera Bahasa Melayu. Projek Penyelidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman, & Dk. Suzanawaty Pg.Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 2180–4842.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazlan, Norziah Amin, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>
- Zuraini Jusoh, & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan bercerita terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 11–18.